



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5  
Tarikh : 14 Oktober 2021

PEKELILING AKADEMIK BIL. 27/2021

Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung./Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENAWARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021/2022  
BAGI PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penawaran kursus untuk semua pelajar (prasiswazah/pascasiswazah) akan diadakan mulai **15 hingga 28 November 2021**. Sukacita pihak Fakulti/Institut/Pusat dapat membuat Penawaran Kursus semester tersebut dalam tempoh yang dinyatakan bagi memastikan proses Pendaftaran Awal (Prasiswazah & Pascasiswazah) pada **10 Januari 2022** hingga **6 Februari 2022** berjalan dengan lancar dan teratur.

3. Sehubungan itu, berikut disertakan panduan penawaran kursus yang perlu diberi perhatian:

Bil.	Aktiviti untuk makluman dan tindakan	Pra siswazah	Pasca siswazah
i)	Kursus yang ditawarkan telah diluluskan di peringkat: a) JPPA - Kursus Elektif b) SENAT - Kursus Wajib Kelulusan SENAT Ke-469 bertarikh 23 September 2020 adalah berkaitan.	✓	✓
ii)	Semua kursus yang ditawarkan perlu disertakan dengan maklumat berikut:  a) Jumlah jangkaan pelajar yang akan mendaftar pada semester berkenaan;  b) Jumlah bilangan set kursus yang bakal ditawarkan selepas mengambil kira: <ul style="list-style-type: none"> <li>tahap pengajian Doktor Falsafah, Sarjana, Diploma Pascasiswazah, Prasiswazah, Antarabangsa Khas dan Tanpa Ijazah;</li> <li><b>mulai Semester 1 2019/2020, penawaran kursus bagi tahap pengajian <u>pelajar ambilan UKMShape</u> ditetapkan kepada 2 sahaja iaitu tahap Antarabangsa Khas (bagi pelajar bukan Warganegara) dan tahap Prasiswazah (bagi pelajar Warganegara). Oleh yang demikian, penetapan <u>set dan had pelajar</u> perlu diselaraskan</b></li> </ul>	✓  ✓	✓  ✓



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my  
Web: www.ukm.my/akademik

Bil.	Aktiviti untuk makluman dan tindakan	Pra siswazah	Pasca siswazah
	<p><b>semula dengan mengambil kira bilangan pelajar ambilan UKMShape bagi kedua-dua tahap tersebut;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• taraf kursus (contoh: WM,WF,C1 dan C2 - Prasiswazah atau W dan P – Pascasiswazah.);</li> <li>• kepada fakulti yang ditawarkan;</li> </ul> <p>c) Setiap kursus yang ditawarkan perlu dimasukkan nama pensyarah/ tenaga pengajar yang berkaitan untuk mengelakkan pertindanan jadual dengan kursus lain yang diajar dan bagi keperluan Universiti seperti UKMFolio, penilaian pengajaran dan lain-lain yang berkaitan;</p> <p>d) Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) boleh dijalankan secara hibrid atau secara dalam talian sepenuhnya berdasarkan kepada keperluan yang dikenal pasti oleh Dekan/Pengarah dan keberadaan pelajar di kampus (merujuk Pekeliling ROSH-UKM Bil.13/2021, bertarikh 4 Oktober 2021);</p> <p>e) Bilik/dewan kuliah yang dijadualkan adalah bergantung kepada jumlah pelajar mengikut set yang ditetapkan dan pematuhan kepada prosedur operasi standard PdP yang dikeluarkan oleh Pendaftar. Bagi Fakulti/Pusat yang dijadualkan oleh AKADEMIK UKM, mohon maklumkan kepada AKADEMIK UKM mana-mana ruangan yang tidak dapat digunakan pada semester yang berkenaan;</p> <p>f) Kursus yang setara (jika ada) perlu dimasukkan ke dalam SMP. Kegagalan berbuat demikian memberi kesan kepada penjadualan kuliah dan peperiksaan. Contoh kursus CITRA dan Fakulti; dan</p> <p>g) Kursus yang telah ditawarkan, perlu dimodulkan mengikut program pelajar.</p>	<p>✓</p> <p>✓</p> <p>✓</p> <p>✓</p> <p>✓</p> <p>✓</p>	<p>✓</p> <p>✓</p> <p>-</p> <p>✓</p> <p>-</p>
iii)	Fakulti/Institut/Pusat dibenarkan membuat pindaan jadual kuliah sebelum pendaftaran awal dimulakan. Pindaan selepas tempoh tersebut akan menyebabkan pertindanan kepada kuliah yang telah didaftarkan oleh pelajar terutama kursus luar fakulti seperti kursus CITRA. Jika pindaan terpaksa dibuat atas sebab-sebab tertentu, fakulti perlu membuat semakan keseluruhan modul pelajar berkaitan.	✓	✓
iv)	Fakulti/Institut/Pusat perlu membuat pemilihan pendaftaran awal mulai <b>7 hingga 13 Februari 2022</b> . Pelajar yang tidak DIPILIH sebarang kursus akan dikenakan denda RM50 dan diberikan status TIDAK MENDAFTAR.	✓	✓
v)	Kursus yang berbentuk projek, latihan ilmiah, disertasi, tesis dan seumpamanya perlu dimasukkan nama penyelia, nama pelajar dan tajuk projek/latihan ilmiah/disertasi/tesis pada semester semasa kursus ditawarkan (sehingga minggu ke-5).	✓	✓



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
 Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my  
 Web: www.ukm.my/akademik

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

- i) Prasiswazah : En. Muhammad Redzuan Zainol Abidin di sambungan 8451 atau emel [m.redzuan@ukm.edu.my](mailto:m.redzuan@ukm.edu.my)
- ii) Pascasiswazah : Pn. Zaimi Makhtar di sambungan 8388 atau emel [zaimi@ukm.edu.my](mailto:zaimi@ukm.edu.my)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MUHAMMAD WALID OSMAN**  
Timbalan Pendaftar  
Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)
  - Pengarah  
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
  - Pengarah  
Pusat Siswazah
  - Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah  
Pusat GENIUS@Pintar Negara
  - Pengarah  
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum  
(Pengajaran-UKM)
  - Encik Munzir Zainudin  
Ketua Penolong Pendaftar  
Pusat GENIUS@Pintar Negara  
**(Mohon maklumkan senarai kursus yang perlu diambil oleh pelajar ASAS/pintar di fakulti/pusat berkaitan.)**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)  
Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)